

06 DEC 2001

BIAR PIHAK YANG DIBERI KUASA JALANKAN SIASATAN KES PPRT, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau menyerahkan kepada pihak-pihak yang diberi kuasa untuk menjalankan siasatan mengenai dakwaan salahguna wang Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) berjumlah RM36.5 juta.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika diminta mengulas laporan beberapa akhbar hari ini bahawa empat pegawai dan bekas pegawai kanan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Risa dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) disoal polis semalam berkaitan perkara itu.

"Saya tak mahu komen sebab ia masih dalam siasatan," kata Dr Mahathir yang ditemui selepas membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2002 pada perseidangan Dewan Negara hari ini.

Beliau berkata orang-orang yang disiasat itu belum tentu lagi bersalah atau betul.

"Kita benarkan pihak yang diberi kuasa untuk menjalankan siasatan dan membuat soalan. Kalau betul-betul ada kes, mereka akan didakwa di mahkamah," katanya.

-- BERNAMA

NZ NZ NMO